



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim
(Ministry of Energy, Science, Technology, Environment
and Climate Change)
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor



10 Februari 2020
Notis Pemberitahuan LPTA
Bil. 7/ 2018 Sem.1

**STATUS PROJEKTOR GAMA KOBALT-60 SIRI 680 DAN 741 (PEMBUNGKUS
JENIS B) SELEPAS 31 OKTOBER 2020**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) berhubung status berurusan dengan projektor gama Kobalt-60, siri 680 dan 741 selepas 31 Oktober 2020.

LATAR BELAKANG

2. Pada 10 Januari 2017, QSA Global, Inc telah mengeluarkan notis berkenaan penamatan sijil pembungkus Jenis B bagi projektor gama Kobalt-60 siri 680 dan 741. Rentetan daripada itu, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah menerima maklumat daripada SENTINEL Asia berhubung sijil pembungkus Jenis B(U) (USA/9035/B(U)-96) dan (USA/9027/B(U)-96) yang bakal ditamatkan pada 31 Oktober 2020 adalah bagi siri 680 yang merangkumi model siri 680, 680E, 680A, 680AE, 680B dan 680BE, serta siri 741 yang merangkumi model siri 741, 741E, 741A, 741AE, 741B dan 741BE.

ARAHAN LPTA

3. Dengan penamatan sijil pembungkus Jenis B(U) ini, projektor gama model siri 680, 680E, 680A, 680AE, 680B dan 680BE, serta model siri 741, 741E, 741A, 741AE, 741B dan 741BE tidak lagi boleh digunakan untuk mengangkut Kobalt-60 (10.8 Curie dan ke atas).

4. Dengan ini semua pemegang lesen yang berurusan dan memiliki projektor gama Kobalt-60 model siri 680, 680E, 680A, 680AE, 680B dan 680BE, serta model siri 741, 741E, 741A, 741AE, 741B dan 741BE dinasihatkan dari semasa ke semasa menggantikan projektor gama mereka kepada model yang mempunyai sijil pembungkus Jenis B(U) yang sah dari tarikh notis pemberitahuan ini dikeluarkan. Bagi tujuan pelupusan projektor gama yang berkaitan, pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan LPTA terlebih dahulu sekurang-kurangnya 14 hari sebelum melupus sama ada dengan cara;

4.1 memulangkan semula peralatan berkenaan kepada pembekal yang dilesenkan atau diiktiraf oleh Lembaga sahaja; atau

4.2 cara-cara lain yang dibenarkan oleh Lembaga.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

5. Pemegang lesen tidak lagi dibenarkan mengangkut Kobalt-60 (10.8 Curie dan ke atas) menggunakan projektor gama model siri 680, 680E, 680A, 680AE, 680B dan 680BE, serta model siri 741, 741E, 741A, 741AE, 741B dan 741BE mulai **1 November 2020**.

PENUTUP

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan LPTA menggunakan alamat di bawah.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil
No. Tel : +603-89225888
No. Faks : +603-89223685
E-mel : corporate@aelb.gov.my
Laman Web : www.aelb.gov.my